

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SHAH ALAM
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN
PERMOHONAN JENAYAH NO.: BA-44-14-01/2021**

Dalam Perkara Mengenai Akta
Dadah Berbahaya (Langkah-
Langkah Pencegahan Khas) 1985

Dan

Dalam Perkara Mengenai
Perlembagaan Persekutuan

Dan

Dalam Perkara Mengenai Bab
xxxvi Kanun Acara Jenayah

Dan

Dalam Perkara Mengenai Akta
Keterangan

ANTARA

**HEONG KENG BOON
(NO. K/P: 910704-07-5151)**

...PEMOHON

DAN

- 1. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, MALAYSIA**
- 2. PENGUASA KANAN PUSAT PEMULIHAN AKHLAK
BATU GAJAH, PERAK**
- 3. KETUA POLIS NEGARA**

...RESPONDEN-RESPONDEN

ALASAN PENGHAKIMAN

1. Peguam Pemohon telah membangkitkan tiga (3) isu pelanggaran dan ketidakpatuhan prosedur-prosedur yang mewajarkan satu perintah writ habeas corpus dikeluarkan, antara lain, iaitu:-
 - (i) Kelewatan 31 hari oleh Pegawai Penyiasat Kes Fail dalam mengemukakan laporan lengkap menurut Seksyen 3 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (“Akta tersebut”) kepada Pegawai Siasatan KDN dan Timbalan Menteri Dalam Negeri (“TMDN”) telah memprejudiskan Pemohon akibat daripada kelewatan TMDN dalam mengeluarkan Perintah Tahanan bertarikh 10.4.2020 terhadap Pemohon;
 - (ii) Wujudnya ketidakpatuhan prosedur akibat kelewatan 10 hari oleh Pegawai Siasatan KDN dalam menjalankan siasatan terhadap Pemohon dan kelewatan 14 hari oleh Pegawai Siasatan KDN dalam mengemukakan laporan lengkap kepada TMDN yang telah memprejudiskan Pemohon berdasarkan peruntukkan Seksyen 5(2) Akta tersebut; dan
 - (iii) Rakaman Percakapan yang direkodkan oleh Pegawai Penyiasat Kes Fail bersama dengan jurubahasa Kantonis adalah defektif menurut Seksyen 4 Akta tersebut. Lanjutan daripada itu, laporan yang disediakan oleh Pegawai Penyiasat Kes Fail adalah defektif menjadikan laporan yang dikemukakan dibawah Seksyen 6(1) Akta tersebut defektif, sekaligus menjadikan Perintah Tahanan defektif.

ISU PERTAMA DAN KEDUA

2. Pemohon telah ditangkap pada 21.2.2020. Pegawai Penyiasat, Inspektor Jaswit Kaur a/p Ranjit Singh (“Inspektor Jaswit”) telah merakamkan percakapan Pemohon pada 25.2.2020 dan seterusnya merakamkan percakapan 3 orang saksi lain pada 9.3.2020, 10.3.2020 dan 11.3.2020. Pada 23.3.2020, Inspektor Jaswit telah mengemukakan laporan lengkap siasatan tersebut kepada TMDN dan Pegawai Siasatan KDN.
3. Bagi isu pertama, Pemohon di perenggan 18 dalam Afidavit Sokongannya telah menyatakan bahawa Inspektor Jaswit telah gagal mengemukakan laporan lengkap penyiasatan beliau kepada pihak berwajib dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Akta tersebut dan Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas)(Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 (“Kaedah-Kaedah tersebut”).
4. Inspektor Jaswit di perenggan 13 dalam Afidavit Jawapannya telah menyenaraikan tindakan-tindakan yang diambil olehnya dari tarikh pemohon ditangkap iaitu 21.2.2020 sehingga 23.3.2020 untuk menjelaskan kelewatan selama 31 hari.
5. Bagi isu kedua, Pemohon di perenggan-perenggan 22 – 23 dalam Afidavit Sokongannya telah mengemukakan dakwaan bahawa Pegawai Siasatan KDN, Tuan Muhammad Rifaie bin Mohamed Riyaludin (“Tuan Muhammad Rifaie”) telah gagal menemui Pemohon dalam tempoh masa yang ditetapkan di bawah Akta tersebut dan Kaedah-Kaedah tersebut setelah menerima laporan lengkap siasatan daripada Pegawai Penyiasat.

6. Tuan Muhammad Rifaie di perenggan 9 dalam dalam Afidavit Jawapannya telah menyenaraikan siasatan-siasatan yang telah dijalankan oleh beliau dari 23.3.2020 hingga 2.4.2020 untuk menjelaskan kenapa siasatan fizikal terhadap Pemohon hanya dibuat pada 2.4.2020 iaitu 10 hari selepas beliau menerima laporan lengkap penyiasatan daripada Inspektor Jaswit.
7. Mahkamah ini mendapati bahawa undang-undang yang relevan bagi kedua-dua isu ini adalah Seksyen 3(3) dan Seksyen 5(4) Akta tersebut.
8. Seksyen 3(3) Akta tersebut memperuntukkan Pegawai Polis yang membuat siasatan berkaitan dengan seseorang yang ditangkap dan ditahan di bawah seksyen ini hendaklah menyebabkan satu salinan laporan lengkap penyiasatan itu dikemukakan kepada seseorang Pegawai Siasatan yang dilantik di bawah subseksyen 5(1) dan kepada Menteri dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
9. Seksyen 5(4) Akta tersebut memperuntukkan seseorang Pegawai Siasatan hendaklah mengemukakan laporannya secara bertulis kepada Menteri dalam tempoh yang boleh ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.
10. Berdasarkan Seksyen 3(3) dan Seksyen 5(4) Akta tersebut, Mahkamah mendapati Menteri mempunyai budi bicara dalam menetapkan bila tempoh masa untuk Pegawai Penyiasat dan Pegawai Siasatan KDN melengkapkan siasatan. [Kes **Lock Wee**

Kock v. Menteri Hal Ehsan Dalam Negeri & Anor [1993] 4 CLJ 211
dirujuk.]

11. Oleh kerana tiada tempoh masa yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Seksyen 3(3) dan 5(4) Akta tersebut, Mahkamah hendaklah merujuk kepada Seksyen 54(2) Akta Tafsiran 1948 dan 1967 untuk menentukan pengiraan masa (*“computation of time”*), yang mana ianya hendaklah dibuat *“with all convenient speed”* yang mana telah dijelaskan dalam kes **Tai Choi Yu v. Government of Malaysia [1994] 2 CLJ 174**, yang mana juga telah merujuk kepada kes **Ex-Parte Austo Pty Ltd. [1985] 2 QDR 1** yang telah menjelaskan perkataan *“all convenient speed”* iaitu:-

“what will be “all convenient speed” will depend upon the facts and peculiar circumstances of each case [As s.4(1) of the Ordinance read with s.54(2) deals with preventive detention it must be strictly construed.

Thus the requirement as to the time within which a detention order must be made to take effect must be the same or as close as possible to the date of making of the detention order. Where both the dates do no coincide the delay must be explained. This is in line with the rule that any delay in a matter that must be done within a reasonable time must be satisfactorily explained... The necessity for such an explained part of s. 4(1) of the Ordinance. Case: Kumaran Suppiah vs Dato' Noh b. Hj Omar, Federal Court Rayuan Jenayah 05-38-2006 (J).”

12. Berdasarkan keputusan kes ini, Mahkamah mendapati Inspektor Jaswit sepatutnya mengemukakan laporan penyiasatan beliau menurut Seksyen 3(3) Akta tersebut dalam “*all convenient speed*” dan sekiranya terdapat kelewatan dalam mengemukakan laporan tersebut kepada TMDN, kelewatan tersebut perlulah dijelaskan oleh Inspektor Jaswit dalam Afidavit Jawabannya. Keadaan yang sama terpakai kepada Pegawai Siasatan KDN, Tuan Muhammad Rifaie.
13. Pegawai Penyiasat, Inspektor Jaswit di perenggan 13 Afidavit Jawabannya telah menjelaskan kenapa beliau hanya dapat mengemukakan laporan lengkap penyiasatan terhadap Pemohon kepada TMDN pada 23.3.2020. Beliau juga di perenggan 13(h)(1.1 – 1.21) telah menyatakan secara terperinci apa yang beliau lakukan mulai dari tarikh 21.2.2020 hingga 23.3.2020.
14. Begitu juga Pegawai Siasatan KDN, Tuan Muhammad Rifaie di perenggan 9 Afidavit Jawapan beliau telah menjelaskan secara terperinci apa yang beliau lakukan dari tarikh beliau menerima laporan lengkap penyiasatan pada 23.3.2020 sehingga tarikh beliau menjalankan penyiasatan fizikal ke atas Pemohon pada 2.4.2020.
15. Mahkamah Persekutuan dalam kes **Chua Kian Voon v Menteri Dalam Negeri [2020] 1 CLJ 747** memutuskan bahawa alasan-alasan seperti terdapat kerja-kerja lain, meneliti fail kes Pemohon, meneliti dokumen-dokumen kes dan memeriksa saksi-saksi lain menyiapkan tugas bagi eks lain bukanlah alasan yang boleh diterima oleh Mahkamah kerana alasan-alasan ini merupakan tugas prosedur yang perlu dilakukan oleh semua pegawai.

16. Mahkamah juga telah mengambil kira dan mempertimbangkan kes **Edwin & Robert v. Lembaga Pencegahan Jenayah** dan kes **Azizan bin Jusoh v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain** di mana Peguam Persekutuan berhujah bahawa Mahkamah Persekutuan baru-baru ini telah menolak permohonan Perayu-Perayu atas alasan bahawa isu kelewatan yang dibangkitkan oleh Perayu-Perayu adalah tidak bermerit memandangkan tugas rasmi / hakiki seseorang adalah tanggungjawab yang perlu diselesaikan dan tidak boleh dikatakan sebagai alasan administratif dan pengemukakan laporan dan juga pengeluaran Perintah Tahanan hendaklah dilakukan tanpa memerlukan apa-apa penjelasan asalkan dalam tempoh 60 hari itu kerana tempoh itu adalah tempoh yang diperuntukkan oleh undang-undang.
17. Namun, Mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam Pemohon bahawa memandangkan tiada alasan penghakiman bagi kes **Edwin & Robert v. Lembaga Pencegahan Jenayah** dan **Azizan bin Jusoh v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain**, Mahkamah ini adalah tidak terikat dengan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes **Edwin & Robert v. Lembaga Pencegahan Jenayah** dan **Azizan bin Jusoh v. Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia & Yang Lain**. Oleh itu, keputusan yang mana telah diputuskan dalam kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri [Supra]** berkenaan dengan isu kelewatan Pegawai Penyiasat dan Pegawai Siasatan KDN masih merupakan “*good law*”.
18. Berbalik kepada kes ini, Mahkamah mendapati tangkapan terhadap Pemohon telah dilakukan pada 21.2.2020. Rakaman percakapan Pemohon telah direkodkan pada 25.2.2020 iaitu selepas 4 hari

Pemohon ditangkap. Tiada alasan diberikan mengenai kelewatan ini. Selain itu, rakaman 3 saksi lain hanya direkodkan pada 9.3.2020, 10.3.2020 dan 11.3.2020 iaitu selepas 17 hari, 18 hari dan 19 hari selepas Pemohon ditangkap. Selain daripada percakapan Pemohon dan saksi-saksi direkodkan dalam tempoh tersebut, langsung tiada tindakan diambil oleh Pegawai Penyiasat berkenaan dengan kes Pemohon ini. Mahkamah setuju bahawa kelewatan 17 hari, 18 hari dan 19 hari ini sahaja telah memprejudiskan Pemohon.

19. Mahkamah juga telah meneliti dan membaca perenggan 13 Afidavit Jawapan Inspektor Jaswit dengan penuh berhati-hati dan berkali-kali. Berasaskan prinsip yang diputuskan dalam kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri [Supra]**, Mahkamah mendapati alasan-alasan yang diberi oleh Inspektor Jaswit di perenggan 13 seperti beliau telah menghadiri temuduga anugerah Integriti, menjalankan tugas harian rasmi yang lain, tidak bertugas kerana cuti hujung minggu dan sebagainya adalah alasan-alasan yang tidak kredibel.
20. Isu seterusnya adalah sama ada penjelasan yang diberi oleh Pegawai Siasatan KDN, Tuan Muhammad Rifaie di perenggan 9 Afidavit Jawapan merupakan penjelasan-penjelasan yang kredibel?
21. Setelah membaca penjelasan Tuan Muhammad Rifaie di perenggan 9 Afidavit Jawapannya penuh berhati-hati dan berkali-kali, Mahkamah juga mendapati alasan-alasan yang diberikan oleh Tuan Muhammad Rifaie seperti beliau bekerja dari rumah, beliau membuat tugas bagi kes-kes yang lain yang langsung tidak berkaitan dengan kes Pemohon dan juga cuti hujung minggu adalah alasan-alasan yang

tidak kredibel berasakan prinsip yang diputuskan dalam kes **Chua Kian Voon v. Menteri Dalam Negeri [Supra]**.

22. Berasaskan alasan-alasan di atas, Mahkamah mendapati bahawa kelewatan-kelewatan tersebut telah memprejudiskan Pemohon dan ekoran itu telah berlakunya pelanggaran Seksyen 3(3) dan Seksyen 5(4) Akta tersebut yang mana ianya merupakan ketidakpatuhan prosedur.
23. Isu pertama dan isu kedua yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah bermerit.

ISU KETIGA

24. Bagi isu ketiga, terdapat 2 versi yang bertentangan telah dikemukakan oleh Pemohon dan Responden-Responden, iaitu:-

- (i) Pemohon: Pemohon tidak faham Bahasa Malaysia dan hanya fasih bertutur dan berkomunikasi dalam Bahasa Mandarin dan/atau dialek Hokkien memandangkan Pemohon berketurunan Cina Hokkien, namun **jurubahasa Kantonis telah dibekalkan kepada beliau apabila rakaman percakapan beliau diambil**, walaupun permohonan untuk khidmat seorang jurubahasa Mandarin dan/atau jurubahasa Hokkien telah dibuat. [Perenggan-Perenggan 9 – 15 Afidavit Sokongan Pemohon & Perenggan 4 Afidavit Jawapan Pemohon dirujuk.]
- (ii) Responden: Inspektor Jaswit telah di perenggan 6 dalam Afidavit Jawapannya menyatakan bahawa **seorang jurubahasa**

Kantonis iaitu Detektif Sarjan Ho telah dibekalkan kepada Pemohon apabila rakaman percakapan beliau diambil kerana Pemohon memaklumkan bahawa beliau berketurunan Cina Kantonis dan beliau memerlukan khidmat jurubahasa Kantonis. Selain itu, afidavit Detektif Sarjan Ho juga telah difailkan yang mana menyatakan bahawa beliau merupakan jurubahasa Kantonis bagi Pemohon apabila rakaman percakapan Pemohon diambil.

25. Memandangkan terdapat 2 versi yang bertentangan, maka ia adalah penting untuk merujuk kepada keterangan dokumentasi yang mana telah diisi oleh Pemohon sendiri pada awalnya iaitu Borang I (Eksibit HKB-3) untuk mengesahkan sama ada versi Pemohon ataupun Responden adalah benar. [Kes **Vishnu a/l Telagan v. Timbalan Menteri Dalam Negeri & Ors [2019] 6 MLJ 1** dirujuk.]
26. Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan Borang I (Eksibit HKB-3), apabila Pemohon diminta untuk mengisi Borang I dengan bantuan terjemahan Detektif Koperal Tee Yong Fah dalam dialek Hokkien, Pemohon telah tulis di situ dengan sendiri bahawa *“saya akan menyampaikan kata-kata kepada Lembaga dalam Bahasa dialek Hokkien”*, di mana ini adalah konsisten dengan alegasi Pemohon dalam Afidavit Pemohon dan Afidavit Jawapan Pemohon bahawa Pemohon hanya fasih Bahasa Mandarin dan/atau dialek Hokkien dan bukan dialek Kantonis sepertimana yang dinyatakan oleh Inspektor Jaswit dan Detektif Sarjan Ho. Fakta bahawa Pemohon dibekalkan jurubahasa Hokkien pada setiap peringat iaitu semasa siasatan ikuri dijalankan oleh Tuan Muhammad Rifaie, semasa Perintah Tahanan

dan Borang I diserahkan kepada beliau juga menunjukkan bahawa Pemohon memang hanya fasih dialek Hokkien sahaja.

27. Lagipun, Mahkamah mendapati bahawa terdapat percanggahan mengenai butiran pekerjaan Pemohon dalam rakaman percakapan Pemohon (Eksibit HKB-1) dan Borang I (Eksibit HKB-3). Dalam rakaman percakapan Pemohon, Inspektor Jaswit telah merekodkan bahawa Pemohon bekerja sebagai pembantu kedai aksesori manakala apabila Pemohon mengisi Borang 1 sendiri, Pemohon tulis di situ bahawa beliau bekerja sebagai pembantu tukang masak / dapur ("*chef assistant*").
28. Mahkamah mendapati bahawa penjelasan yang diberikan oleh Inspektor Jaswit dan Detektif Koperal Ho dalam Afidavit Balasan mereka iaitu pekerjaan Pemohon sebagai pembantu tukang masak / dapur ("*chef assistant*") tidak ditulis kerana ia adalah pekerjaan terdahulu Pemohon adalah tidak munasabah dan tidak logik dan ia merupakan satu penjelasan yang kosong sahaja.
29. Mahkamah setuju dengan hujahan peguam Pemohon bahawa adalah munasabah untuk Pemohon menghadapi kekangan bahasa ataupun Inspektor Jaswit dan Detektif Sarjan Ho telah menyalahfaham keterangan yang cuba diterangkan oleh Pemohon apabila rakaman percakapan beliau diambil memandangkan jurubahasa yang tidak betul telah dibekalkan kepada beliau semasa rakaman percakapannya diambil, lebih-lebih lagi butiran pekerjaan juga telah tersilap ditulis dalam rakaman percakapan Pemohon, apatah lagi kandungan rakaman percakapan tersebut.

30. Mahkamah juga mendapati bahawa Responden-Responden juga tidak pernah menjelaskan kenapa jurubahasa Hokkien dibekalkan kepada Pemohon pada setiap peringkat seterusnya selepas rakaman percakapan beliau diambil. Begitu juga dengan Afidavit-Afidavit Jawapan yang dibalas oleh Responden-Responden, mereka juga tidak pernah menjelaskan kenapa jurubahasa Kantonis hanya dibekalkan semasa rakaman percakapan diambil tetapi jurubahasa Kantonis tidak dibekalkan seterusnya pada setiap peringkat yang lain. Sebaliknya, jurubahasa Hokkien yang dibekalkan kepada Pemohon pada setiap peringkat yang seterusnya, seperti Perintah Tahanan diserahkan kepada beliau, semasa siasatan dijalankan oleh Pegawai Siasatan, semasa Borang 1 diisi oleh Pemohon dan sebagainya.
31. Mahkamah juga telah mengambil kira hujahan Peguam Persekutuan yang merujuk kepada kes **Puganeswaran Maniam v. Timbalan Menteri Dalam negeri, Malaysia & Yang Lain [2020] 1 LNS 843** berkenaan dengan isu ini. Mahkamah mendapati fakta kes **Puganeswaran Maniam v. Timbalan Menteri Dalam negeri, Malaysia & Yang Lain [Supra]** dapat dibezakan dengan fakta kes Pemohon di sini.
32. Dalam kes **Puganeswaran Maniam v. Timbalan Menteri Dalam negeri, Malaysia & Yang Lain [Supra]**, peguam Pemohon berhujah terdapat 2 versi yang berbeza antara versi Pemohon dan versi Responden kerana dalam siasatan polis Pemohon telah meminta jurubahasa Tamil manakala dalam siasatan yang dijalankan oleh Pegawai Siasatan KDN, siasatan dijalankan dalam Bahasa Melayu dan Mahkamah mendapati isu tersebut merupakan satu pemikiran semula Pemohon setelah meneliti kesemua afidavit.

33. Sebaliknya, dalam kes Pemohon ini, Mahkamah mendapati isu ketiga ini bukanlah merupakan satu pemikiran semula Pemohon kerana ia adalah disokong dengan keterangan dokumentasi yang mana telah disediakan secara “*genuinely*” sejak awal lagi.
34. Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah mendapati bahawa kegagalan Inspektor Jaswit untuk membekalkan khidmat jurubahasa yang betul semasa rakaman percakapan Pemohon diambil menyebabkan laporan yang disediakan oleh Inspektor Jaswit di bawah **Seksyen 3(3) Akta tersebut** menjadi defektif. Ini secara langsung menyebabkan laporan yang dipertimbangkan oleh TMDN juga menjadi defektif. Ini adalah kerana laporan Tuan Muhammad Rifaie yang dipertimbangkan oleh TMDN di bawah **Seksyen 6(1)(a) Akta tersebut** juga merangkumi keterangan yang direkodkan oleh Inspektor Jaswit daripada Pemohon sendiri di bawah **Seksyen 3(3A) Akta tersebut** dan laporan yang disediakan oleh Inspektor Jaswit di bawah **Seksyen 3(3) Akta tersebut**. [Kes **Muhammad Jailani Kasim v. Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 4 CLJ 687** dirujuk.]
35. Isu ketiga yang dibangkitkan oleh Pemohon adalah bermerit.

RUMUSAN

36. Atas alasan-alasan bahawa ketiga-tiga isu yang dibangkitkan oleh Peguam Pemohon menjurus kepada ketidakpatuhan prosedur, Mahkamah ini membenarkan permohonan Notis Usul Pemohon di Lampiran 1. Dengan ini, satu writ habeas corpus dikeluarkan dan Pemohon diperintahkan untuk dilepaskan dan dibebaskan dengan serta merta.

**YA DATO' HAJI MOHD YAZID BIN HAJI MUSTAFA
HAKIM JENAYAH 5
MAHKAMAH TINGGI SHAH ALAM**

22 JULAI 2021

Pihak-Pihak

Peguam Pemohon: Puan Low Huey Theng daripada Tetuan H.T. Low
Responden: Puan Norazlin binti Mohamad Yusoff, Peguam
Kanan Persekutuan daripada Pejabat Penasihat
Undang-Undang Kementerian Dalam Negeri